

PERKAHWINAN MENURUT ADAT PERPATIH DAN
UNDANG-UNDANG ISLAM
SATU KAJIAN PERBANDINGAN

WAN SITI ADIBAH BINTI WAN DAHALAN

0200017819

4.59802

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANAMUDA UNDANG-UNDANG
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1991

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecualli nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya."

30 hb Mac 1991

W. S. Adibah

Wan Siti Adibah binti Wan Dahalan

H 59802
0200017819

PENGHARGAAN

Saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. atas limpah kurnia, taufik dan hidayahNya dapat juga saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Dirakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Ustaz Abdul Monir Yaacob. Selaku penyelia yang banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sehingga dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Seterusnya juga ucapan terima kasih saya kepada nama-nama berikut yang telah sudi memberikan kerjasama:-

- 1) Yang Teramat Mulia Dato' Abdul bin Ali, D.T.U.S., Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitilawan, Undang Luak Johol ke XIII.
- 2) Dewan Keadilan dan Undang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.
- 3) Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan, Wisma UMNO, Negeri Sembilan.
- 4) Professor Dr. Wan Rafei bin Hj. Wan Abd. Rahman, Professor Madya Dr Siti Maimon binti Hj. Kamso, Dekan Pengajian Siswazah, U.K.M.

- 5) Ustaz Mohd. Nasir bin Nordin, Mahkamah Tinggi Syariah, Negeri Sembilan.
- 6) Azidah binti Hj. Abd. Aziz, Kamarudin dan Partners, Peguambela dan Peguamcara, Shah Alam, Selangor.
- 7) Ustaz Mohd. Radzi b. Muhiddin

Tidak lupa buat Ayah, Emak, Along dan keluarga, Abang, Bangdik dan Awom yang tidak putus-putus, memberikan semangat dan dorongan kepada diri ini.

Akhir sekali segala pertolongan yang berbentuk secara langsung dan tidak langsung ini hanya Allah yang membalasnya dan semoga ia mendapat keberkatan daripada Allah s.w.t. Amin.

Ikhlas Daripada,
Wan Siti Adibah binti Wan Dahalan,
Lot 6726, Taman Bukit,
Lorong Titiwangsa 12,
Ampang, 70400, Seremban.

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini telah dibahagikan kepada empat bab. Sebelum mengemukakan bab pertama hingga ke empat hanya dimulakan dengan Bidang Kajian yang menerangkan mengenai tujuan, bidang dan cara kajian serta masalah yang dihadapi semasa membuat kajian. Bab pertama membicarakan tentang pengenalan mengenai Adat Perpatih. Bab kedua pula menerangkan konsep perkahwinan secara Islam dan Adat Perpatih. Bab ketiga pula menghuraikan langkah awal di dalam perkahwinan iaitu dari merisik hinggalah ke peringkat tunangan mengikut Adat Perpatih dan cara Islam. Manakala di dalam Bab keempat pula dibentangkan perkahwinan menurut Adat Perpatih dan Islam yang mana tumpuan di buat dari peringkat persediaan sehinggalah majlis tersebut selesai. Akhirnya di bahagian penutup diuraikan beberapa pandangan dan ulasan mengenai Adat Perpatih dan perkahwinan menurut Islam di dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan masa kini.

KANDUNGAN

BAB	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iv
JADUAL KANDUNGAN	v
SENARAI SINGKATAN	ix
JUDUL TRANSITERASI	x
BIDANG KAJIAN	xii
AREA OF RESEARCH	xv
 I	
Pengenalan Mengenai Adat Perpatih	
1.1 Asal usul Adat Perpatih	1
1.2 Pengertian Adat	2
1.3 Bahagian-bahagian Adat	4
1.4 Secara Johol secara ringkas	6
1.5 Sistem Pentadbiran Adat	9
1.6 Suku	24
 II	
PERKAHWINAN	
PERKAHWINAN MENURUT UNDANG-UNDANG ISLAM	
2.1 Definasi Perkahwinan	29
2.2 Konsep Perkahwinan	32
2.3 Hikmat dan Tujuan Perkahwinan	38

KANDUNGAN

BAB	HALAMAN
2.4 Hukum Perkahwinan	45
PERKAHWINAN MENURUT ADAT PERPATIH	
2.5 Definasi Perkahwinan	51
2.6 Konsep Perkahwinan	52
2.7 Jenis-jenis Perkahwinan	58
2.8 Hikmat dan Tujuan Perkahwinan	64
2.9 Perbandingan	65
III PRELIMINARI PERKAHWINAN MENURUT ADAT PERPATIH,	73
3.1 Merisik	73
3.2 Pinangan dan pertunangan	78
PRELIMINARI PERKAHWINAN MENURUT ISLAM	82
3.3 Meminang	85
a. Melihat Pinangan	85
b. Mengenal Sifat-sifatnya	88
c. Istikharah	89
d. Perkahwinan Hendaklah Diumumkan dan Pinangan Hendaklah Dirahsiakan.	91
3.4 Bertunang	92
3.5 Putus Tunang	94
3.6 Perbandingan	95

KANDUNGAN

BAB	HALAMAN
3.7 Kes Putus Tunang	98
IV PERLAKSANAAN ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN MENURUT ADAT PERPATIH DAN ISLAM	102
4.1 Persiapan Menjelang Perkahwinan	102
a. Hari Berkenak atau Memasang adat	105
b. Istiadat Menggantug-gantung Sebelum Hari Berlangsung	106
c. Istiadat Menjemput	106
d. Istiadat Berandam	107
e. Istiadat Mengisi Adat	109
4.2 Istiadat Akad Nikah	110
a. Istiadat Berjulang Arak	112
b. Istiadat Bersanding dan Berinai	112
4.3 Di Hari Langsung	113
a. Istiadat Persandingan	114
b. Istiadat Suap-suap	115
c. Istiadat Padam Lilin	116
d. Istiadat Pangkasan	116
e. Istiadat Menyembah	116
f. Istiadat Makan Damai	117
g. Istiadat Mandi-mandian	117
4.4 Hari Menyalang	118

KANDUNGAN

BAB

HALAMAN

4.5 Perbandingan

119

4.6 Penutup

127

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

A. Peta Negeri Sembilan

132

B. Adat (Mas Kahwin di Luak Ulu Muar)

133

C. Pepauh Bertunang Lanang

137

D. Saman Bagi Pasangan Yang Ditangkap

Berkhalwat

139

E. Contoh Jemputan Kahwin

140

F. Lafaz Ikrar Orang Semenda

141

SENARAI SINGKATAN

b.	-	bin	ibld.	-	di tempat yang sama
bt.	-	binti	jil.	-	jilid
bhg.	-	bahagian	kg.	-	kampung
bil.	-	bilangan	r.a.	-	radiallahu anhu ^c
cet.	-	cetakan	s.a.w.	-	salallahu alaihi wasallam ^c
ed.	-	edisi	s.w.t	-	subhanahu wa ta ala
hb.	-	haribulan	t.pt.	-	tiada penerbit
hj.	-	haji	t. th	-	tiada tarikh
hjh.	-	hajjah	t.tp	-	tiada tempat
nlm.	-	halaman	trj.	-	terjemahan

JUDUL TRANSITERASI

Huruf Arab

Huruf Latin

Huruf Arab

Huruf Latin

د

d

ط

t

ا

-

ب

b

ث

t

ج

c

ث

th

غ

gh

ح

j

ف

f

خ

h

ق

q

خ

kh

ك

k

د

d

ل

l

ذ

dh

م

m

ر

r

ن

n

ز

z

هـ

h

س

s

و

w

ش

sy

ي

y

ص

s

Vokal Pendek

a

 /

i

 /

u

 /

Vokal Panjang

a

l /

i

ɪ /

u

u /

Diftong

ay

 /

av

 /

BIDANG KAJIAN

Bismillahirrahmanirrahim

Tujuan kertas projek ini dibuat adalah untuk memberikan satu gambaran mengenai adat istiadat perkahwinan dalam adat perpatih di Negeri Sembilan bermula dari peringkat awal iaitu merisik hinggalah ke peringkat yang paling akhir iaitu pada hari bertandang. Di samping itu dibuat satu penilaian mengikut pandangan dari sudut Islam.

Di dalam kajian ini juga akan memberi kefahaman kepada masyarakat umum mengenai amalan adat perkahwinan yang dibuat secara adat perpatih. Hasil dari kajian juga dapat dinilai sama ada adat perkahwinan yang dibuat itu selaras dengan ajaran Islam. Pengkajian pokok terhadap kajian ini akan dihuraikan di dalam kertas projek yang seterusnya.

Kajian projek ini diambil dari kawasan Kuala Pilah yang mana tempat tersebut adalah salah satu tempat yang terkenal di dalam adat perpatih. Di situ juga terletak kawasan Sri Menanti yang mana ianya adalah tempat bersemayan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Dipertuan Besar di Negeri Sembilan. Selain tempat itu kawasan

bandar Seremban juga termasuk di dalam skop kajian ini.

Di dalam usaha-usaha penyediaan projek ini, banyak mengambil kira pandangan mereka-mereka yang mahir mengenai adat bermula dari Buapak-buapak (Ketua keluarga), Dato' Lembaga hingga kepada Yang Teramat Mulia Dato' Abdul bin Ali D.T.N.S. Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Undang Luak Johol. Kesemuanya telah memberikan bantuan kerjasama yang tidak terhingga kepada saya. Di samping menemuramah mereka ini, saya juga berkesempatan untuk bertemu dengan Setiausaha Dewan Keadilan Negeri Sembilan di samping menganalisa buku-buku, majalah-majalah dan akhbar tempatan untuk dijadikan bahan rujukan. Selain daripada itu kehadiran saya di dalam majlis kenduri perkahwinan adat perpatih turut dijadikan asas untuk menyalapkan kertas projek ini.

Dalam penyediaan projek ini, saya juga menghadapi masalah-masalah terutamanya masa yang diperuntukkan untuk bertemu janji, mengkaji buku-buku, majalah dan akhbar kerana masanya adalah terhad. Untuk membuat temu-janji dan perjalanan yang jauh dari Universiti Kebangsaan Malaysia turut memakan masa dan kos perbelanjaan yang tinggi. Selain daripada temu-ramah, sumber-sumber maklumat juga diperolehi di perpustakaan di Universiti Kebangsaan Malaysia,

Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Negeri Sembilan di Seremban, Dewan Keadilan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Negeri Sembilan dan Penyelidik Budaya Negeri Sembilan untuk menyiapkan kertas projek ini.

Akhir sekali dengan terbentangnya kajian ini akan memberi penjelasan yang lebih jelas lagi mengenai Adat Perpatih khasnya mengenai perkahwinan di Negeri Sembilan. Dan adalah diharapkan kajian ini akan memberi sumbangan kepada pengkaji-pengkaji adat perpatih di Negeri Sembilan, khususnya mengenai adat perkahwinan yang dijalankan berbanding dengan ajaran Islam.

Sekian, Wassalam.

Area Of Research

The purpose of this project is to give a picture on the marriage culture of "Adat Perpatih" in Negeri Sembilan beginning from the earlier stage of "merisik" to the last which is "bertandang". Apart from that, an evaluation is also done from the view of Islam.

From this research, the public can also understand how a marriage is carried out in the Adat Perpatih way. The result of this research also shows whether it is in line the teachings of Islam. The main point will be highlighted in this report.

The research is carried out in the area of Kuala Pilah which still follow the Adat Perpatih. Located at the area is the Sri Menanti which is where Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan stays. Apart from that, the scope of the also covers the area of Seremban.

In the process of conducting the research, views from various people familiar with the Adat is taken into consideration. From the Buapak Dato' Lembaga to Yang Terpujinya Mulia Dato' Abdul b. Ali D.T.N.S. Dato' Johan

Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Undang Luak Johol, their views on the particular subject is very essential. Apart from getting information from books, magazines and newspaper, discussions were also held with the Setiausaha Dewan Keadilan Negeri Sembilan. Also, my attendance in the actual marriage occasions (the Adat Perpatih way) helps a lot in the research.

In doing the research, I faced various problems especially in getting appointments and the limitations in reference books on the subject. To go for an appointment, I will have to travel quite a distance. References from various institutions like Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Dewan Keadilan and Penyelidik Budaya Negeri Sembilan is used in the project paper.

Lastly, the presentation of this research will provide a clearer view on the subject Adat Perpatih especially on the marriage matter. I hope that this report will be a great help to those who will be doing research on the particular subject.

Sekian, Wassalam.

Bab 3

Pelliminari Perkahwinan Menurut Adat Perpatih

3.1 Merisik

Merisik dual merupakan satu proses awalan yang dilakukan sebelum upacara meminang. Perbuatan merisik ini dilakukan apabila teruna ataupun keluarga teruna memikirkan terunanya sudah wajar untuk berkahwin atau sudah berkenan dengan seorang gadis sama ada gadis itu tinggal di kampung yang sama atau di tempat yang berjauhan dari tempat teruna. Tujuan mengadakan risikan ini ialah untuk mengelakkan meminang gadis yang sudah berpunya. Di samping itu juga untuk mengelakkan dari keluarga teruna itu dari merasa ^{malu} jika pinangan itu ditolak oleh keluarga perempuan.

Cara merisik zaman dahulu adalah berbeza daripada merisik zaman sekarang kerana hanya dilakukan secara simbolik dan tersendiri. Kerja merisik zaman dahulu biasanya dilakukan oleh ayah si teruna. Si ayah akan pergi ke rumah gadis yang ingin dirisikinya dan meminjam pengasah parang. Si ayah akan mengasah parang di situ. Irama yang dihasilkan dari asahan parang itu membawa

makna seolah-olah suara hati si teruna. Setelah si ayah merasa pasti maksudnya sudah difahami, beliau akan meminta diri untuk pulang dan memulangkan semula pengasah parang itu.

Manakala ibu dan ayah si gadis akan memanggil sanak saudara yang berhak untuk berbincang sama ada menolak atau menerima lamaran si teruna. Oleh itu pada kreesokan harinya, ibu gadis akan ke rumah si teruna. Si ibu akan membawa sedikit beras yang belum ditampi. Di rumah teruna, ibu gadis itu akan meminjam nyiru dan mula menampi beras di rumah si teruna. Cara ibu si gadis itu menampi akan menunjukkan bahawa lamaran si teruna itu diterima atau sebaliknya. Ibu si gadis itu akan meminta diri untuk pulang setelah pasti maksudnya diterima oleh pihak teruna.

Pada masa sekarang cara merisik ini biasanya dilakukan oleh perempuan yang arif, berpengalaman dan dipercayai oleh ibu bapa atau keluarga pihak teruna. Mereka ini terdiri dari emak saudara dari pihak lelaki terutama sekali isteri bapa saudara kedim. Dalam adat perbuatan ini dikatakan sebagai "menyuluh keadaan" gadis itu. Upacara yang dijalankan selepas proses merisik yang pertama adalah sama antara dahulu dan sekarang.

¹ Norhalim b. Ibrahim, Istiadat Perkahwinan Adat Perpatih Di Daerah Jelebu, Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan, 1989, hlm. 25.

Wakil dari pihak teruna akan datang ke rumah saudara mara si gadis atau rumah yang berhampiran bertanyakan sama ada gadis itu sudah mempunyai atau belum. Pertanyaan dibuat secara tidak langsung :-

"Perempuan menanti untung,
lelaki mencari untung."

Jika didapati bahawa si gadis belum mempunyai maka wakil yang sama akan membawa "cincin tanya" kepada pihak perempuan. Wakil lelaki akan mengemukakan maksud kedatangan dan biasanya mereka menggunakan bahasa kiasan yang berbunga-bunga atau berpantun mengikut perbilangan adat.

"Lalu dirisik damai,
serantau hilir serantau hulu,
gamit sudah berdesus-desus,
gamit sudah berkecapan,
orang membeli kerbau dengan talinya,
mengikat kata dengan tanda,
diberi cincin sebetuk,
cincin tawa cincin tanya."

1

Ibu bapa gadis tidak memberikan keputusan sama ada terima atau tidak peminangan itu, mereka sebaliknya memanggil saudara mara yang dekat untuk dimaklumkan bahawa anak sudah ditanya. Cincin tanya itu adalah sebagai bukti untuk memberitahu sanak saudara dan buapak, maka mereka akan berunding.

"Esa sekata, kata dikembalikan,
tak esa sekata, tanda dikembalikan."

1

Tempoh masa bagi pihak perempuan memberikan jawapan ialah secepat-cepatnya 3 hari dan selewat-lewatnya dua minggu.

"Lalu dibuat janji adat
cepat janji tiga hari,
lewat janji tujuh hari,
laun janji dua kali tujuh hari."

2

Jika ramai yang bersetuju terutama dari pihak kedim maka diterimalah risikan itu, keputusan mengambil masa sekurang-kurangnya 3 hari dan selewat-lewatnya seminggu atau sehingga adat menyebut "dua kali tujuh". Masyarakat Adat Perpatih mementingkan mesyuarat yang dibuat antara saudara mara yang kedim bagi membuat sebarang keputusan. Mengikut kata perbilangan,

"Alah adat kerana muafakat,
alah pakat kerana perbuatan."

3

Tetapi kalau mereka tidak bersetuju maka cincin akan dikembalikan dalam tempoh 3 hari. Seandainya risik dual itu diterima, kedua belah pihak menetapkan masa untuk

1 Norhalim b. Ibrahim, hlm. 27

2 Ibid

3. Temubual dengan Datuk Fadhil Nordin, Kampung Pantal, Negeri Sembilan pada 28hb Januari 1991.

mengadakan upacara pertunangan secara rasmi. Adat menyebut,

"Di dalam janji digaduhkan,
janji sampai ditepati'
janji ditepati dimuliakan.

1

Sebelum upacara pertunangan, pada hari yang ditetapkan pihak lelaki akan menghantar sebentuk cincin lagi iaitu dikenali sebagai "mengembang cincin", iaitu pihak lelaki meletakkan sebentuk cincin lagi pada cincin tanya.

"Cincin sebentuk menanya ibu bapa,
cincin dua bentuk oso sekata,
oso sekata janji diikat,
janji dibuat dimuliakan,
dalam janji digaduhkan,
sampai janji ditepati."

1

Kedua pihak akan berunding menentukan hari resmi pertunangan itu. Sebelum itu ibu bapa gadis telah pun berunding dan mendapat persetujuan dari saudara mara mengenai persediaan hari meminang seperti beberapa hantaran syarat-syarat jika mana-mana pihak menarik diri dan sebagainya.

1

Ibid

2

Ibid

3.2 Peminangan dan Pertunangan

Selepas proses merisik selesai maka pada hari yang telah dijanjikan maka warisan sakedim lelaki mengarahkan orang semendanya dan orang lain yang berkenaan bersiap-siap menghantar cincin peminangan. Rombongan pihak lelaki pergi ke pihak perempuan membawa cincin tanya, tepak sirih dan lain-lain barang iringan sebagai hadiah. Tepak sirih yang dibungkus dalam kain songket merupakan salah satu perkara yang penting dalam upacara pertunangan yang disusun mengikut aturan yang tertentu. Istiadat peminangan didahului dengan pertukaran tepak sirih antara buapak lelaki dan buapak sebelah pihak perempuan. Kedua belah pihak akan menjemput pihak yang satu lagi untuk memakan sirih dari tepaknya. Buapak dari pihak lelaki berkata,

"Makan sirih berpinang tidak,
pinang dibeli dari pekan,
dibungkus dengan kain putih,
penat menyirih dibawa berjalan,
makan sirih kenangannya tidak,
hanya tanda perkenalan,
pusaka tua Adat Perpatih,
mintalah Datuk tolong sudikan."

1

Buapak perempuan menerima tepak sirih dan dimakannya sambil mempelawa orang lain dari pihak perempuan. Gilliran

1
Norpinah Mohd Nor, "Istiadat Perkahwinan dalam Adat Perpatih Negeri Sembilan" (Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 1985), hlm. 42.

buapak perempuan mempersilakan pihak lelaki makan sirihnya sambil berkata,

"makan sirih berppinang tidak,
pinang datang dari pekan,
sekarang sudiikan pula,
lepas sirih orang."

1

Kemudian buapak perempuan memeriksa barang-barang dari pihak lelaki. Wakil dari pihak lelaki menyarungkan cincin tanda kejari manis si gadis yang berada di dalam bilik. Sementara itu di luar kedua belah pihak mula berunding. Perkara pertama yang diperbincangkan ialah mengenai mas kahwin. Mas kahwin bagi gadis yang terdiri dari rakyat jelata ialah \$24. Tetapi jika si gadis itu terdiri dari waris yang menyandang pusaka (sebagai contoh waris biduanda) maka mas kahwinnya ialah \$48² (lihat lampiran B). Berkenaan tempoh pertunangannya bergantung kepada persetujuan kedua belah pihak. Menurut adat segala perbincangan tadi seperti mas kahwin, tempoh pertunangan dan lain-lain dinamakan "adat lalu di tengah". Mengikut perbilangan :

"Orang mempinang tanah berani,
berani surut berani lalu,
berani lambat berani cepat,
berani berolek berani tak berolek."

3

1

Ibid

2

Norhalim bin. Ibrahim, hlm. 36.

3

Norpisah Mohd. Nor, hlm 46

Semasa upacara pertunangan dijalankan pepauh lima orang bertunang dibacakan. Pepauh orang bertunang ialah (lihat Lampiran C)

- 1) "Jika helah lelaki loncor adatnya", ini bermakna jika pihak lelaki yang memutuskan pertunangan kerana tidak suka pada tunangnya atau hatinya terpaut pada orang lain atau atas sebab-sebab yang lain, maka si lelaki dikehendaki membayar adat (mas kahwin) dan cincin tanda itu dikembalikan pada si gadis. Si lelaki dikehendaki membayar wang pampasan seperti berikut
 - a) Waris Berundang - \$800
 - b) Waris Lembaga - \$700
- 2) "Jika helah perempuan mengganda adatnya," ini bermakna jika si gadis yang memutuskan pertunangan, maka pihak si gadis membayar adat (mas kahwin) ganda dan cincin kahwin dikembalikan tanpa membayar apa-apa wang pampasan.
- 3) "Jika cacat cida dikembalikan," ini bermakna apabila berlaku sesuatu ke atas salah seorang (lelaki atau

gadis) seperti cacat kerana kemalangan dalam tempoh pertunangan maka batallah janji (yakni kembali seperti sedia kala) dan cincin tanda hendaklah dikembalikan. Walau bagaimanapun kedua belah boleh menyambung perjanjian jika mahu.

- 4) "Jika sawan gila luar janji". Semasa bertunang jika melakukan perkara sumbang mereka akan berkahwin lebih awal dari tarikh yang dijanjikan.
- 5) Jika si gadis dinaiki orang atau diserahkan atau dikerumah maka hendaklah beliau lari menyelamatkan diri ke rumah bapa atau ke rumah waris kedim pihak lelaki.
- 6) Jika didapati apa-apa kesusahan yang besar maka salah satu pihak bolehlah "sela menyela" (membuat perundingan tolak ansur bagi mendapatkan tarikh yang sesuai bagi penyatuan yang muktamad.)

Pepauh yang pertama dan kedua biasanya diamalkan oleh masyarakat Adat Papatih manakala pepauh yang ketiga hingga keenam diamalkan oleh masyarakat Daerah Jelabu. Demikianlah selesainya upacara pertunangan yang diamalkan oleh masyarakat Adat Papatih.

Preliminari Perkahwinan menurut Islam

3.3 Meminang

Meminang adalah merupakan rangka yang pertama menuju ke arah gerbang perkahwinan. Sebelum meminang si lelaki hendaklah yakin bahawa pilihannya itu tepat setelah ditinjau dari berbagai segi. Ini untuk mengelakkan dari menarik kembali pinangan yang telah diajukan. Jika tindakan seperti ini berlaku ia akan menyakiti hati seorang wanita, melukai perasaannya dan menjatuhkan kehormatannya. Meminang ialah cara yang dilakukan oleh seorang lelaki untuk menyampaikan tekad dan keinginannya hendak memperisterikan seorang wanita sama ada secara terbuka atau terus terang, baik dilakukannya sendiri atau melalui perantaraan keluarganya atau sahabatnya yang boleh dipercayai.

Allah menggariskan agar pasangan yang mahu berkahwin terlebih dahulu saling kenal-mengenal sebelum dilakukan akad nikahnya. Perempuan yang boleh dipinang ialah yang memenuhi dua syarat iaitu

- 1) Belum dipinang secara sah oleh orang lain.
- 2) Pada waktu dipinang tidak ada halangan-halangan hukum yang dilarang dilaksanakan perkahwinan.

Halangan-halangan hukum seperti kerana haram dikahwini untuk selamanya atau sementara atau telah dipinang terlebih dahulu oleh orang lain.

Suatu hal penting yang harus diperhatikan dan diambil berat oleh seorang lelaki yang hendak mengajukan pinangan ialah jangan sekali-kali ia meminang wanita yang telah dipinang oleh lelaki lain. Perbuatan seperti itu merupakan penganiayaan terhadap hak orang lain yang dapat merosakkan persaudaraan, menyakitkan hati, membangkitkan kebencian dan permusuhan serta mengakibatkan perasaan marah dan dendam. Alangkah buruknya suatu perkahwinan yang dimulai dengan putusanya hubungan persaudaraan orang lain dengan menganiaya orang lain dan membangkitkan rasa tidak senang dalam hati orang lain. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar r.a. Rasulullah s.a.w. bersabda,

لا تخطب الرجل على خطبة أخيه ، حتى يترك الخطاب
قبله أو أن يأذن له الخطاب .

Maksudnya:

"Janganlah seseorang lelaki meminang wanita yang telah dipinang oleh saudaranya (orang yang sesama muslim) sebelum wanita itu ditinggalkan oleh tunangnya atau jika tunang sebelumnya itu mengizinkan."

1

1

Hadis tersebut melarang seorang lelaki Muslim menyalngi saudaranya yang meminang seorang wanita lebih dahulu, kecuali jika lelaki yang meminang lebih dahulu itu benar-benar tidak diragukan lagi telah meninggalkan wanita itu atau membatalkan maksudnya. Adapun meminangan perempuan yang dalam "iddah raj'i" atau bain atau kematian suami adalah dilarang. Jika "iddah" itu disebabkan oleh talaq raj'i" haram meminangnya dengan apa cara sekalipun kerana perempuan itu belum lepas dari ikatan dengan bekas suaminya. Dengan erti perkataan yang lain suaminya masih berhak untuk merujuknya semula. Jika perempuan itu "iddah talaq bain" maka haram dipinang oleh lelaki lain daripada bekas suami secara terus terang. Begitu juga haram meminang di masa "iddah kematian suami secara terus terang untuk menjaga perempuan agar tidak tercemar dari pandangan tetangga serta menjaga perasaan anggota keluarga si mati dan para ahli waris-warisnya.

Firman Allah:

ولا جناح عليكم فيما عرضتم به من خطبة النساء أو أكننتم في أنفسكم علم الله أنكم ستذكرونهن ولكن لا تواعدوهن سرا إلا أن تقولوا قولا معروفا ولا تعزموا عقدة النكاح حتى يبلغ الكتاب أجله واعلموا أن الله يعلم ما في أنفسكم فاحذروه واعلموا أن الله غفور حلیم

Maksudnya :

"Dan tidaklah salah bagi kamu meminang perempuan-perempuan dengan sindiran atau kamu rahsiakan di dalam hatimu sendiri. Allah mengetahui bahawa kamu sesungguhnya akan selalu mengenang mereka, tetapi janganlah kamu mengikat janji dengan mereka, kecuali untuk mengatakan perkataan yang baik-baik dan janganlah kamu bercita-cita mengikat tali perkahwinan sebelum habis 'iddah mereka. Ketahuilah bahawa Allah mengetahui rahsia hati kamu, kerana itu hati-hatilah kamu kepadanya."

1

Contoh lafaz peminangan yang diucapkan secara terus terang ialah seperti "aku hendak berkahwin dengan engkau". Manakala secara sendirian seperti katanya "avak ni lava".

a) Melihat pinangan

Islam tidak memaksa seorang lelaki untuk berkahwin dengan perempuan yang tidak disukainya. Melihat tunangan oleh agama disunatkan dan dianjurkan. Imam Ahmad dan Abu Daud meriwayatkan dalam hadis yang berasal dari Jabir r.a yang mengatakan Rasulullah s.a.w. bersabda

إِذَا خَاطَبَ أَحَدُكُمْ امْرَأَةً فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ يَنْتَظِرَ مِنْهَا مَا يَدْعُوهُ إِلَى نِكَاحِهَا فَلْيَفْعَلْ

Maksudnya :

"Apabila di antara kamu meminang wanita, jika ia dapat melihat apa yang menarik sehingga ingin mengahwininya, lakukanlah itu"

1

Islam mengizinkan lelaki melihat atau mengenal dari dekat keadaan wanita yang dipinang atas syarat-syarat tertentu yaitu setelah diketahui dengan jelas tekad dan keinginan serta niatnya yang bersungguh-sungguh,

Rasulullah s.a.w. bersabda :-

إذا التقى الله تعالى في قلب امرئ خطبة امرأة
فلا بأس أن ينظر إليها

Maksudnya:

"Apabila Allah s.w.t. telah menggerakkan hati seorang lelaki untuk meminang seorang wanita, tidak salahnya kalau dia melihat wanita itu" (diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal, Ibu Majah, Al-Hakim, Al-Baihaqi dan Ibu Daud)

2

Dengan melihat bakal tunang adalah tidak disyaratkan kepada sekali atau beberapa kali terpulang kepada pihak masing-masing sehingga berpuas hati dan tidak menimbulkan penyesalan di kemudian hari. Menurut pendapat sahabat-sahabat Imam Shafie masa melihat kepada perempuan itu dikehendaki dilakukan sebelum meminang. Tujuannya supaya

1

Mohammad Ali Kuthb, hlm. 127

2

Ibid, Hlm. 129

tidak akan meninggalkan kesan buruk di hati perasaan seorang perempuan jika lelaki itu tidak sukakannya. Bilamana lelaki melihat perempuan itu dan ternyata tidak menarik, hendaklah dia diam kerana boleh jadi perempuan yang tidak disenangi itu akan disenangi oleh lelaki lain. Dari Abu Hurairah, pernah seorang sahabat meminang seorang Anshar, Rasulullah s.a.w. bersabda,

فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْظِرْتِ إِلَيْهَا قَالَ
لَا قَالَ فَاذْهَبِ فَإِنَّظِرِ إِلَيْهَا فَإِنَّ فِي عَيْنِ
الْأَنْصَارِ شَيْئًا

Maksudnya:

"Sudahkah engkau lihat ? Jawabnya, belum. Sabdanya, pergilah dan lihat dia, kerana pada mata orang Anshar ada cacatnya."

1

Keharusan melihat bakal tunang ini menurut separuh pendapat adalah terhad kepada muka dan dua tapak tangan sahaja. Apabila melihat wajah perempuan itu seorang lelaki dapat mengetahui kejelitaanya dan dua tapak tangan membayangkan kesuburan tubuh badan perempuan itu.

1

Hendaklah pada waktu ia melihat wanita yang dipinangnya itu haruslah di depan salah seorang lelaki dari kalangan mukrimanya. Menurut Auzaiy boleh dilihat pada tempat yang berdaging di mana termasuklah lengan dan betis. Manakala Abu Daud berpendapat harus melihat kepada semua anggota. Menurut pendapat ini bolehlah dilihat pada anggota-anggota lain daripada yang disebut dari kedua pendapat tadi. Pengharaman melihat bakal tunang tidak disyaratkan kerelaan dari pihak perempuan.¹

b) Mengenal Sifat-sifatnya

Melihat pinangan itu tidaklah hanya khusus bagi lelaki sahaja tetapi juga terhadap perempuan. Perempuan juga berhak melihat lelaki yang meminangnya hingga menyebabkan ia tertarik sebagaimana dengan lelaki melihat faktor-faktor yang menyebabkan ia tertarik pada perempuan itu. Dalam hal-hal moral kelakuan dan sikap pihak masing-masing boleh dinilai menerusi orang yang mempunyai hubungan rapat dengan mereka atau dengan melalui tetangganya atau dengan orang perantaraan di kalangan keluarganya seperti ibu dan saudara-saudara perempuannya.

Adalah lebih baik kalau pihak lelaki yang hendak meminang wanita itu menghantar seorang wanita dari keluarganya sendiri untuk mengetahui keadaan gadis yang

1

Ahmad bin Ismail al-Yamani al-Shanari, Subul al-Salam, Juzu 3 (Mesir: Muktabah wa Makba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Anladuhu), hlm. 113.

hendak dipinangnya. Cara demikian itu mengikut contoh yang telah diberikan oleh Rasulullah s.a.w. ketika baginda hendak meminang seorang wanita. Ketika itu baginda mengutus Ummu Sulaim dan berpesan :-

انظري عرقوبها وشمى عوارضها
 "Lihatlah urat-urat betisnya dan ciumlah¹ dekat mulutnya."

Melalui perasaan melihat urat-urat betis ialah agar dapat diketahui kesegaran badan wanita. Manakala mencium dekat mulutnya ialah untuk mengetahui keadaan bau mulutnya.

c) Istikharah (Memohon pilihan kepada Allah s.w.t.) sebelum meminang

Apabila gadis yang hendak dipinang masih diragukan keadaannya, lelaki yang meminang hendaklah sentiasa ingat bahawa semua urusan terletak di tangan Allah s.w.t. dan Allah sahajalah yang berkenan melimpahkan taufikNya. Tidak ada yang dapat menghalang kurniaNya dan tidak ada yang mengurniakan sesuatu, bila Allah tidak memperkenankanNya. Oleh itu lelaki yang berkenaan menghadapkan diri kehadrat Allah dan menyerahkan segala persoalan kepadaNya. Allah s.w.t. maha mengetahui apa yang bermanfaat bagi lelaki tersebut dan apa yang baik baginya.

Allah telah berfirman :-

وَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ
تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

"Boleh jadi apa yang kamu tidak sukai
justeru" itulah yang tidak baik untuk
kamu, dan boleh jadi pula apa yang kamu
sukai justeru" itulah yang baik untuk
kamu. Allah mengetahui sedangkan kamu
tidak mengetahui.

1

Atas dasar itu maka disunatkan bagi orang lelaki
sebelum menganjurkan pinangan supaya memohon pilihan
kepada Allah dengan jalan melakukan solat istikharah.
Sebuah hadis yang diriwayatkan berasal dari Rasulullah
s.a.w. menerangkan

أَكْثَرُ الْمَطْبَةِ ثُمَّ تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ وَضُوءَكَ ثُمَّ صَلَّيْتَ مَا كَتَبَ اللَّهُ
لَكَ ثُمَّ أَحْمَدُ رَبِّكَ وَمَجْدُهُ ثُمَّ قَالَ : اللَّهُمَّ إِنَّكَ تَقْدِرُوهَ اقْدِرْ وَقُلِّمْ
وَلَا أَعْلَمُ وَأَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ فَإِنْ رَأَيْتَ لِي فِي فَلَانَةٍ يَسِيرَهَا
بِاسْمِهَا خَيْرًا فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَآخِرَتِي فَأَقْدِرْهَا لِي وَإِنْ كَانَ
غَيْرَهَا خَيْرًا لِي مِنْهَا فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَآخِرَتِي فَأَقْدِرْهَا لِي

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Rahsiakanlah niatmu hendak meminang. Ambillah air wudhu dengan cara yang sebaik-baiknya, kemudian solatlah sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepadamu. Pohonkan puji shukr kepadaNya dan agungkanlah Dia lalu ucapkanlah Ya Allah, Engkau maha kuasa sedangkan aku tidak berkuasa, Engkau maha ketahuil sedangkan aku tidak ketahuil segala yang ghaib. Jika kamu memandang pada diri si Fulanah (sebutkan nama sebenarnya), Terdapat kebajikan bagiku, dan agamaku, bagi dunia dan akhiratku, takdirkanlah ia bagiku. Jika ada wanita lain yang Engkau pandang baik bagiku."

d) Perkahwinan hendaklah Diumumkan dan Pinangan
Hendaklah Dirahsiakan

Rasulullah s.a.w. memerintahkan:

أَظْهَرُوا النِّكَاحَ وَأَخْفُوا الْخَطْبَةَ

Maksudnya :

"Umumkanlah perkahwinan dan rahsiakan pinangan."

Merahsiakan pinangan adalah untuk kebaikan wanita agar jangan sampai kehormatan dan harga dirinya itu dicemooh orang, dan sanubarinya tidak tersiksa bila terjadi sesuatu batalan pinangan yang telah diumumkan.

¹ Muhammad Ali Quthb, hlm. 135

² Ibid, hlm. 133.

Kejadian seperti ini dapat membuat lelaki lain ragu-ragu meminangnya kerana bimbang akan terulang kembali kejadian yang lalu, mungkin disebabkan oleh adanya kekurangan pada diri wanita itu atau perbuatannya yang salah.

3.4 Bertunang

1. Setelah peminangan diterima maka wujudlah ikatan pertunangan antara lelaki dan perempuan. Adalah lebih baik lelaki itu memberi hadiah kepada gadis idamannya sesuai dengan kemampuannya. Hadiah itu boleh berupa gelang emas atau cincin emas atau pakaian. Menurut adat dan agama ketika dalam pertunangan mereka belum membolehkan mengadakan perhubungan seperti mana suami isteri kerana pada asasnya hubungan antara mereka belum terikat oleh tali perkahwinan.

Si lelaki tidak mempunyai tanggungjawab dalam urusan rumahtangga begitu juga dengan perempuan tidak berkewajipan untuk menguruskan rumahtangga. Hanya perempuan itu tidak boleh dipinang oleh orang lain kerana ia telah pun dipinang. Duduk berdua-dua bersama gadis walaupun yang sudah dipinang adalah haram. Begitu juga jika berduaan bersama ibunya, saudara-saudara perempuannya atau berdua bersama para wanita dari kaum kerabat tanpa disertai oleh lelaki mukim dari gadis itu.

Pengharaman tersebut bermaksud mencegah terjadinya khalwat dan seterusnya terjerumus ke lembah maksiat.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

من يؤمن بالله واليوم الآخر فلا يخلون بامرأة ليس
معه ذو محرم منها فإن ثالثهما الشيطان

Maksudnya:

"Barang siapa yang beriman kepada Allah dan Hari Kiamat, janganlah berduaan bersama wanita tanpa disertai oleh lelaki muhrimnya, kerana jika lelaki dan wanita duduk berduaan maka pihak ketiga adalah syaitan."

1

Di zaman sekarang ini ramai orang yang meremehkan dan memandang ringan soal khalwat dan membiarkan gadis atau kerabatnya bergaul tanpa pengawasan dan pergi bersama ke mana sahaja. Akibatnya ramai gadis yang kehilangan kehormatannya, lenyap kesucian dirinya, bahkan setelah semuanya itu terjadi perkahwinan itu terpaksa dibatalkan. (Lihat lampiran D) Ada orang yang mengatakan pergaulan seumpama itu adalah sekadar ingin menguji akhlak kedua pihak. Alasan seperti itu adalah tidak boleh diterima sama sekali kerana pergaulan itu tidak mencerminkan hakikat kelakuan yang sebenarnya. Kelakuan yang sebenarnya dapat dilihat setelah berkahwin.

Oleh kerana demikian jalan untuk mengenal tabiat dan akhlak yang sebenarnya ialah berusaha mengenal peri kehidupan keluarga gadis yang berkenaan seperti penghayatan agamanya, akhlaknya dan kejiwaanya. Tiada salahnya jika lelaki yang hendak meminang seseorang gadis terlebih dahulu melalui muhrim dan keluarga serta kerabat gadis yang berkenaan.

3.5 Putus Tunang

Pada kebiasaanya di dalam majlis pertunangan dilirungi dengan hadiah dengan bermacam-macam pemberian. Ada kalanya dilakukan pembayaran sebahagian dari mas kahwin. Setelah pertunangan berlangsung kadangkala terjadi hal-hal yang mengakibatkan pertunangan itu putus. Pembatalan pertunangan ini terjadi apabila janji yang dipersetujui oleh kedua pihak tidak dipatuhi atau dimungkiri oleh salah satu daripada pihak tersebut sama ada pihak lelaki atau pihak perempuan.

Dalam keadaan seperti itu menurut hukum syara' pihak wanita wajib mengembalikan sepenuhnya mas kahwin atau tanda ikatan lainnya yang sudah diterima kepada pihak lelaki yang memberinya. Walau bagaimanapun tidak berlaku pada hadiah yang sudah dimakan atau sudah digunakan (seperti hadiah yang berupa kain yang sudah dibuat baju

dan dipakai hingga usang dan koyak).

Jika pertunangan diputuskan oleh pihak perempuan barang-barang hadiah berupa jam tangan, cincin emas, gelang emas atau yang dapat dipakai hanya mesti dikembalikan kepada pihak lelaki. Jika pertunangan diputuskan oleh pihak lelaki atau kerana lelaki yang berkenaan meninggal dunia maka barang-barang hadiah yang telah diterima oleh pihak wanita tidak dikembalikan, Rasulullah s.a.w. di dalam sebuah hadis sahih.

الغائبة في حبه كالكلب يعود في فيه

Maksudnya:

"Lelaki yang menarik kembali pemberiannya ibarat anjing yang menjilat muntahnya."

1

Menghadapi kenyataan berpisah (putus tunang) secara baik pada titik permulaan adalah lebih baik daripada bercerai (talak) sesudah terjadi perkahwinan.

3.6 Perbandingan

Dalam melalui proses bertunang terutama ketika proses merisik dan meminang dibuat, menurut Adat Papatih

mahupun Islam mempertanggungjawabkan kaum kerabat yang dekat untuk mengetahui keadaan gadis itu.

Namun terdapat sedikit perbezaan dalam peraturan melihat bakal tunang. Ketikamana unsur-unsur melihat atau lebih tepat lagi berkenalan dengan bakal tunang baik bagi lelaki mahupun perempuan sekalipun syarak mengharuskan berbuat demikian. Tetapi di dalam Adat Papatih proses peminangan banyak diambil-alih oleh orang tengah yang merisik dan keputusan waris nan kedim tanpa memberi kebebasan untuk pasangan itu mengemukakan pandangan sendiri mengenai bakal suami atau bakal isteri. Jika pada pendapat waris kedim perempuan yang dirisik itu mempunyai sifat yang kurang dipersetujui oleh mereka maka peminangan itu dibatalkan tanpa meminta pendapat lelaki yang terlibat. Begitu juga bagi pihak perempuan, lamaran yang diterima terpulang kepada budi bicara waris kedim sama ada untuk menerima atau menolak tanpa meminta pendapat perempuan yang terlibat. Adat telah menghilangkan hak yang sepatutnya diberi kepada pasangan tersebut untuk membuat keputusan sendiri dan di samping memberi peluang melihat bakal tunang setakat mana yang diharuskan oleh Islam. Namun alasan adat berbuat demikian kerana mereka sudah mempunyai pengalaman yang luas dan matang dalam memberi keputusan yang terbaik untuk anak mereka.

Syarat-syarat pembatalan pertunangan menurut Adat

Pepatih dapat dilihat di dalam "pepauh lima orang bertunang" (telah dibincang sebelum ini). Di dalam adat perbilangn mengatakan;

"Helah laki-laki loncor
Helah perempuan ganda"

Perbilangn di atas ialah mengandungi pengertian cara-cara menyelesaikan masalah berkaitan dengan pemberian semasa bertunang. Jika pihak lelaki yang memutuskan pertunangan tanpa alasan yang munasabah maka segala pemberian kepada pihak perempuan akan loncor. (semua pemberian tidak akan dikembalikan semula). Tetapi apabila pihak perempuan itu memutuskan pertunangan tanpa alasan yang boleh diterima, maka dia dihukum dengan mengembalikan semula barang-barang pemberian dari pihak lelaki dan cincin hendaklah dikembalikan secara ganda (Jika cincin yang dihantar semasa pertunangan dahulu 2 bentuk, pihak perempuan terpaksa hantar semula 4 bentuk).

Apabila berlaku kemalangan yang mengakibatkan kecacatan anggota, pihak perempuan dikehendaki membayar atau menghantar kepada pihak lelaki barang-barang pemberian termasuk cincin tanpa ganda atau boleh dibayar dengan cara nilai barang pemberian itu. Ibu bapa pihak perempuan terpaksa membayar 2 kali ganda wang adat atau hantaran kepada pihak lelaki jika semasa dalam pertunangan anaknya "dirosakkan" oleh lelaki lain. Jika

perkara buruk ini disembunyikan oleh pihak perempuan, maka pihak perempuan terpaksa membayar 3 kali ganda wang adat dan pemberian-pemberian. Adat menilai dan menghukum dari sudut siapa yang bersalah dalam memutuskan pertunangan.

Islam mencela kepada pihak yang membatalkan pertunangan dan dianggap sebagai salah satu dari sifat-sifat munafik melainkan dengan alasan yang boleh diterima. Dalam sebuah hadis shahih, Rasulullah s.a.w.

bersabda :

أَبَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ : إِذَا حَدَّثَ كَذِبًا ، وَإِنْ أَوْعَدَ أَخْلَفَ ، وَإِذَا أُوتِيَ خَانَ

"Sifat orang munafik itu ada tiga: Apabila berbicara dusta, bila berjanji menyalahi, dan bila dipercaya khianat."

1

Meskipun terdapat sedikit perbezaan antara Adat Perpatih dan Islam dalam konteks pertunangan ini tetapi tidak dapat dinafikan terdapat juga persamaannya.

3.7 Kes: Putus Tunang

Di hadapan hakim Ustaz Hj Baharudin bin Hasbullah pada 11hb September, 1990 di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan Darul Khusus.

1

Saiyid Sabiq alihbahasa oleh Drs. Moh. Tahlil, Fikih Sunnah ed. pertama (Kuala Lumpur: Victory Agency, 1990), hlm. 40.

Fakta Kes

Mohd Rudzi Ravindran b. Abdullah (yang menuntut) dan Rosliah bt Alvi (yang kena tuntutan) telah mengikat pertunangan pada 4hb. Jun 1989 di No 205, Jalan TTJ 3/4, Taman Tuanku Jaafar, Seremban. Wakil kedua pihak telah bersetuju iaitu :-

- i) Pasangan lelaki telah menyerahkan wang sebanyak \$2000 beserta cincin emas berharga \$150 dan pakaian pada masa pertunangan. Baki wang hantaran sebanyak \$2000 lagi akan dijelaskan semasa akad nikah dijalankan.
- ii) Satu perjanjian dibuat iaitu, kalau pihak lelaki yang buat helah loncor, kalau pihak perempuan yang buat helah, ganda (sekali ganda).

Pihak menuntut mendakwa pihak yang kena tuntutan telah menarik perjanjian untuk berkahwin dan memohon memulangkan wang sebanyak \$2000 yang telah dikeluarkan semasa bertunang dahulu. Menurut Enakmen undang undang keluarga Islam Negeri Sembilan 1989 seksyen 15 memperuntukkan

"Jika seorang telah mengikat sesuatu kontrak pertunangan mengikut hukum syarak, sama ada secara lisan atau

secara bertulis, dan sama ada secara bersendirian atau perantaraan dan kemudian enggan berkahwin dengan pihak yang satu lagi kepada kontrak itu tanpa apa-apa sebab yang sah manakala pihak yang satu lagi bersetuju berkahwin dengannya, maka pihak yang mungkir ialah bertanggung memulangkan pemberian-pemberian pertunangan jika ada atau nilainya, dan membayar apa-apa wang yang telah dibelanjakan dengan suci hati oleh atau untuk pihak yang satu lagi untuk membuat persediaan bagi perkahwinan itu dan yang demikian boleh dituntut melalui tindakan dalam mahkamah."

Pihak menuntut dan yang kena tuntutan mengakui bahawa wang hantaran yang diberi semasa bertunang ialah \$2000 sahaja. \$1000 wang Yang Menuntut dan \$1000 wang yang dipinjam oleh yang kena tuntutan dari Haji Nordin Johan. Walau bagaimanapun keduanya mengakui wang \$1000 telah dipulangkan kepada Haji Nordin Johan. Oleh itu wang hantaran yang masih ada dalam yang masih ada dalam pegangan Yang Kena Tuntut ialah \$1000

Pihak Menuntut mendakwa Yang Kena Tuntut telah mungkir janji untuk berkahwin dan niatnya itu telah disampaikan melalui pihak ketiga (iaitu Haji Nordin Johan) dan juga dari mulut Yang Kena Tuntut sendiri kepadanya. Ini menyebabkan pihak menuntut berkahwin dengan gadis lain pada 5hb Mei 1990 di Seberang Prai, Pulau Pinang.

Yang Kena Tuntut pula telah memberi keterangan yang

berbeza-beza di mana beliau mahu memutuskan pertunangan tetapi tidak dibuat secara bersungguh-sungguh sama ada melalui adat atau sebaliknya. Mahkamah juga mengambil kira perasaan Yang Menuntut apabila Yang Kena Tuntut pernah memberitahu beliau tidak sukakannya dan ini menyebabkan Yang Menuntut bersikap negatif yang ingin menunjukkan sikap egonya pula.

Keputusan

Mahkamah membuat kesimpulan bahawa terputusnya pertunangan ini adalah disebabkan oleh kedua belah pihak. Oleh itu risikonya haruslah ditanggung oleh kedua belah pihak. Mahkamah dengan itu menjatuhkan hukuman, seperti berikut :

- i) Kerugian Yang Menuntut yang telah mengeluarkan wang \$1000 masa pertunangan itu ditanggung bersama oleh kedua belah pihak. Yang Kena Tuntut diperintah membayar semula wang itu kepada Yang Menuntut sebanyak \$500 dalam masa 20 hari dari sekarang.
- ii) Sebentuk cincin pertunangan berharga \$150, tetap menjadi milik Yang Kena Tuntut.

BIBLIOGRAFI

AL-QUR'AN AL-KARIM

Al-Qur'an al-Karim dan Terjemahannya.

TEKS BAHASA ARAB

Sha'ban, Zakkiyyudin. al-Ahkan al-Shariyyah li al-Ahwal al-Shaksiyyah. Edisi kedua. Libya : Manshurat al-Jami'ah al-Libiyyah, 1971.

al-Sharbini al-Khatib, Muhammad. Mughni al-muhtaj. Juzu'3, Misr : Mustafa al-Babi al-Halabi, 1958.

al-Jaziri, Abdul Rahman. al-Fiqh Ala al-Madhahib al-Arba'ah. Juzu'44. Misr : al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra, 1969.

al-Naisaburi, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi. Mikhtasar Sahih Muslim. Beirut : Dar al-Arabiyyah, 1972.

al-Asqalani, Abu al-Fadhl Ahmad bin Hajar. Bulugh al-Muram' min Adlillah al-Ahkam. Beirut : Dar al-Kitab al-Arabi, 1933.

Abu Isa Muhammad bin Isa bin Saurah. al-Jami' al-sahih Sunan al-Tarmizi. Juzu'3. Misr : Mustafa al-Babi al-Halabi, 1937.

al-Husaini, Ahmad Mustafa Shimal. al-Ahwal al-Shakhsiyyah. (Qahirah : t.pt, 1969), hlm. 27-28.

Zakariyya Ali Yusuf. al-Majmu Sharh al-Muhadhdhah. Juzu'5 dan 15. Misr : Matba'ah al-Imam, 1966

TEKS BAHASA MALAYSIA

Abdullah Siddik. Penghantar Undang-undang Adat Malaysia. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1975.

Nordin Selat. Sistem Sosial Adat Perpatih. Edisi pertama. Kuala Lumpur : Utusan Melayu, 1976.

H. Md. Ali Alhamidy. Islam dan Perkahwinan. Edisi pertama. Singapura : Bismi Publishers, 1981.

Muhammad Ali Quthb. Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid, 1990.

Pachruddin H.S. Terjemahan Hadits Shahih Muslim II, Edisi pertama. Jakarta : Penerbit Bulan Bintang, 1979.

Salyid Sabiq, Fikih Sunnah Edisi pertama. Kuala Lumpur : Victory Agency, 1990.

Drs. H. Mohamad rifai, Ilmu Fiqh Islam Lemkap, Edisi keempat. Singapura : Pustaka nasional Pte. Ltd., 1988.

Hj. Sulaiman Rasyid, Fiqh Islam, cet. 17, Jakarta, Atthariyah, 1976.

TEKS BAHASA INGGERIS

Abdul Monir b. Yaacob. An Introduction to Malaysian Law. Edisi pertama. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989.

M.B. Hooker. Readings in Malay Adat Laws. Singapore : University of Singapore, 1970.

Sh. Muhammad. Sahih Muslim. Volume II, Pakistan : Ashraf Press, Lahore, 1973.

LATIHAN ILMIAH

Norlisah Mohd Nor. "Istiadat perkahwinan dalam Adat Perpatih Negeri Sembilan," Latihan ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1985.

Selamat bin Puigo. "Kenduri Kahwin : Satu Kajian Perbandingan Di antara Islam dengan Masyarakat Melayu Negeri Sembilan," Latihan ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1989.

KERTASKERJA-KERTASKERJA

Abbas bin Hj. Ali, Tuan Hj. "Sebahagian Dari Dasar Adat." Kertaskerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, oleh Majlis Belia Negeri Sembilan, 9-12hb April 1974.

Azizah Kassim. "Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan." Kertaskerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih oleh Majlis Belia Negeri Sembilan, 9-12 April 1974.

Mustafa bin Hj. Ahmad, Dato'Hj. "Adat Perpatih dan syarak di Negeri Sembilan," Kertaskerja Seminar Adat Perpatih oleh Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan, UKM Bangi, 17-18 September, 1988.

RENCANA

Aliyah. "Rahsia Mak Andam Menjadikan Pengantin Bersen. di Pelamin." Keluarga. (Disember 1977).

LAIN-LAIN SUMBER

Azizah Kassim. "Wanita Adat Perpatih." Wanita (November 1988).

"Nikah Gantung dan Sesalahan" Mastika (Oktober 1958).

Norhalim b. Ibrahim. "Istiadat Perkahwinan Adat Perpatih DiDaerah Jelebu." Tanpa penerbit, 1989.

LAMPIRAN B

Adat (maskahwin) di Luak Ulu Muar.

Sebelum 1904 - anak dara \$ 7.00, janda \$ 4.00.

1904 - 1951 - anak dara \$ 20.00, janda \$ 10.00.

Selepas 1951 - anak dara \$ 28.00, janda \$ 14.00.

Mulai 1985 maskahwin adalah seperti berikut :-

Maskahwin - \$ 48.00 (anak dara), \$ 20.00 (janda)

Wall/upah nikah - \$ 15.00.

Saksi - \$ 20.00.

Pengiring adat - \$ 44.00.

Masuk Kariah - \$ 10.00.

Register - \$ 5.00.

Bayaran pengiring adat pula adalah seperti berikut :-

Buapak - \$ 14.00.

Orang menjemput - \$ 20.00. (\$ 10.00 seorang semenda)

Waris Soko - \$ 10.00.

Adat (maskahwin) di Luak Rembau sbelum 1901 adalah seperti berikut :-

BIL.	SUKU	ANAK DARA	JANDA	ANAK DARA	JANDA
		(BIASA)		(SESALAHAN)	
1.	Batu Hampar	\$ 7.00	\$ 4.20	\$ 23.00	\$ 11.00

2. Paya Kumbuh	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
(Sri Melenggang dan Agam Baroh)				
3. Mungkal	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
4. Tiga Nenek	\$ 7.00	\$ 4.20	\$23.80	\$11.90
5. Biduanda Waris	\$10.50	\$ 7.00	\$42.00	\$21.00
6. Batu Hampar	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
Petani				
7. Anak Melaka	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
8. Tanah Datar	\$ 7.00	\$ 4.20	\$28.00	\$18.00
9. Anak Aceh	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
10. Sri Melenggang	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
(Kedung)				
11. Sri Melenggang	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40

BAHAGIAN DARAT

12. Paya Kumbuh	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
13. Sri Lemak	\$ 7.00	\$ 4.20	\$28.00	\$14.00
14. Sri Melenggang	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.20	\$ 8.40
15. Batu Belang	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
16. Biduanda Waris	\$10.50	\$ 7.00	\$42.00	\$21.00
Jakun				
17. Batu Hampar	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
18. Mungkal	\$ 7.00	\$ 4.00	\$16.80	\$ 8.40
19. Tanah Datar	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40

BIL.	SUKU	ANAK DARA JANDA		ANAK DARA JANDA	
		(BIASA)		(SESALAHAN)	
20.	Tiga Batu	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
21.	Sri Melanggang (Minangkabau)	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
22.	Sri Melanggang (Miku)	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40


Nilai matawang adalah mengikut nilai matawang sekarang.
(1989)

(Sumber: C.W.C. Parr & Mackray W.H., 1910), Rembau, One of the Nine States: Its History, Constitution & Customs. Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society 56: 1-57 D 1910.

Menurut keterangan Yang Teramat Mulia Dato' Abdul bin Ali D.T.N.S. Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitlavan Undang Luak Johol ke XIII, maskahwin bagi Johol telah diselaraskan semasa pemerintahan Dato' Undang Johol yang ke 12, iaitu Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Som :

- i) maskahwin rakyat biasa \$60
- ii) maskahwin waris lembaga \$80
- iii) maskahwin waris berundang \$120

Manakala maskahwin bagi janda pada kebiasaannya ialah setengah harga maskahwin biasa atau mengikut persetujuan kedua belah pihak.



حَاجَاتِنَا وَنَدَائِنَا فِي لَيْلَتِكَ اِنْ غَاثَ دَرَانِ اَسْتَعَاذَةً اَوْ رَغِي مَلَا اَوْ لَوَا قِطْنِي

JABATAN UNDANG DAN PERLEMBANGAAN ADAT DAN ISTIADAT
ORANG MELAYU LUAK JELEBU

PEPAUH BERTUNANG LANANG

BAHAWA SANYA Kami.....bin.....
(K.P. No.....) Waris nan Kadim, Harta nan Bertuan.....
binti.....(K.P. No.....) dalam anakbuah/Lingkungan
To.....Perut.....Waris.....Suku.....
bersama-sama dengan.....bin.....
(K.P. No.....) Waris nan Kadim, Harta nan Bertuan.....
bin.....(K.P. No.....) dalam anakbuah/Lingkungan
To.....Perut.....Waris.....Suku.....
adalah bersama-sama bersetuju membuat Pengakuan bagi mengukuhkan lagi Pepauh Bertunang Lanang yang
sama-sama kila pusakal dari Datuk Nenek kila zaman berzaman (berhulur jawal):-

- dan
- Cincin penanya.
 - Cincin mengikat kata.
 - Cincin landa pertunangan.

untuk menepati kata pepatah

"HUKUM BERSAKSI, ADAT BERKETERANGAN"

oleh itu maka tiap-tiap berhulur jawal tiga jenis barang-barang di atas hendaklah disertakan Surat Beliananya
(surat penilalan yang sah) maka diterima.

Bahawa sanya dengan pemberian dan penerimaan landa-landanya pertunangan ini maka kami kedua-dua belah
pihak bersetuju membuat keketetapan lallu bahawa lempoh/larikh akan disatukan kedua-dua pasangan kepada
pertunangan ini ialah.....

Adapun syarat-syarat kepada Perjanjian ini pula adalah seperti berikut:

- (a) Jika helah lelaki luncur Adatnya:
ertinya hendaklah pihak si lelaki membayar Adat (mas kahwin) dan cincin landa itu hendaklah dikembalikan oleh
pihak si perempuan, serta pihak si lelaki membayar Wang Pampasan seperti berikut:
- | | | | |
|-----|-----------------|---------------|----------|
| i | Waris Berundang | \$800.00 | |
| dan | ii | Waris Lombaga | \$700.00 |
- (b) Jika helah perempuan menggandakan Adatnya:
ertinya hendaklah pihak si perempuan membayar Adat (mas kahwin) ganda dan cincin landa hendaklah
dikembalikan dengan tidak membayar apa-apa Wang Pampasan.

(c) Jika cacat cida berkembali:

ertinya dalam masa perlunangan terdapat cacat cida antara salah seorang (pihak lelaki atau pun pihak perempuan) maka batallah janji, lalu kembali seperti sedia kala, dan cincin tanda hendaklah dikembalikan, kecuali jika antara kedua-dua pihak menyambung semula Perjanjian itu tiada apa-apa halangan di dalam Adat.

(d) Jika sawan gila luar janji:

ertinya melakukan perbuatan sumbang dengan lunangnya adalah salah pada Aturan Adat mereka yang melakukannya akan dihukum mengikut Adat.

(e) Jika si perempuan dinaiki orang atau diserah atau dikerumah:

Maka si perempuan hendaklah lan menyelamatkan din ke rumah emak/bapa atau pun ke rumah wans nan kadim pihak si lelaki.

(f) Begitu juga si lelaki jika didapatkan oleh perempuan:

Maka si lelaki hendaklah lan menyelamatkan din ke rumah ibu/bapa lunangnya ataupun ke rumah wans nan kadim pihak si perempuan.

(g) Jika didapati apa-apa kesusahan yang besar, mungkin mengendalikan tarikh penyaluannya oleh salah satu pihak maka bolehlah "sela menyela".

ertinya buatlah perundingan tolak-ansur bagi mendapatkan tarikh yang sesuai bagi penyatuan yang mukhlamad.

Sekianlah keterangan dan persetujuan kami kedua-dua pihak, maka kami perturunkan tandatangan kami sebagai mengesahkan apa-apa yang ternyata di atas.

Waris nan Kadim, Harta Nan Bertuan
Pihak si Lelaki

Waris nan Kadim, Harta nan Bertuan
Pihak si Perempuan

Saksi 1:.....
(Nama Penuh:.....)
(K.P. No:.....)

Saksi 2:.....
(Nama Penuh:.....)
(K.P. No:.....)

Disahkan oleh

Buapak
(Mohor/Cap)

Temaklup pada
bertamam dengan

haribulan tahun
haribulan tahun

(Masahi)
(Hyah)

NEGERI SEMBILAN

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN HUKUM SYARAK TAHUN 1960
(Bil. 15 Tahun 1960)

DI DALAM MAHKAMAH KADI BESAR/KADI DAERAH

Di.....

PERKARA JENAYAH Bil.TAHUN 19.

SAMAN KEPADA YANG KENA TUDUH

(Fasal 57 (1))

Kepada,

.....
dari.....Kamu adalah dikehendaki menghadirkan diri dalam Mahkamah Kadi Besar/
Kadi Daerah.....di.....pada jam..... pagi/petang pada hari.....bersamaan dengan
.....haribulan..... 19.....dengan tidak boleh tidak bagi
menjawab tuduhan/tuduhan-tuduhan seperti berikut:

Tertulis padaharibulan....., 19.....

(MOHOR)

*Md.
Sahib
&
Wan
Rohaida*

15

Februari

1991

WALIMATUL URUS

WAN RAMLI HAJI WAN ABIZUL RAHMAN

dan
KUN HAJI SULAIMAN

Dengan segala hormatnya memperitikan

Tuan/Puan ... suami/isteri/keluarga

ke Mada Perkahwinan and perempuan kami

WAN ROHAIDA WAN RAMLI

dengan

MD. SAHIB HAJI ABDUL GHANI

di dalam

No 22 Taman Dato' Wan,

Seremban, N Sembilan,

pada hari Jumaat 15hb Februari 1991,

bersamaan 1 Syaaban 1411

Semoga dengan kehadiran Tuan/Puan akan memberikan lagi majlis kami

Terimakasih

Turut Mengundang:

Seti Keluarga

Aturcara Majlis:

12.00 - 4.00 pm Jamuan Makan

WALIMATUL URUS

HAJI MD. ALI AHMAD

dan

HAJJAH SABIAH HAJI ABDUL GHANI

Dengan segala hormatnya memperitikan

Tuan/Puan ... suami/isteri/keluarga

ke rumah kami di alamat:

14 Jalan Setiabistari,

Bukit Damansara, Kuala Lumpur,

pada hari Jumaat 15hb Februari 1991,

bersamaan 1 Syaaban 1411

Karena mengadakan jamuan malam malam sempena perkahwinan adik lelaki kami

MD. SAHIB HAJI ABDUL GHANI

dengan

WAN ROHAIDA WAN RAMLI

Semoga dengan kehadiran Tuan/Puan akan memberikan lagi majlis kami


Terimakasih

Turut Mengundang:

Seti Keluarga

Aturcara Majlis:

8.30 min Jamuan Makan



جَانِّ اَوْ ذَعْدَانْ فِرْلَمَكَا نْ غَا دَا دَا نْ اِسْتَا دَا اَوْ رُكْ مَلَا يُو لُو اَوْ جُنْبُو

JABATAN UNDANG DAN PERLEMBANGAAN ADAT DAN ISTIADAT
ORANG MELAYU LIAK JELEBU

LAFAZ IKRAR ORANG SEMENDA

BAHAWASANYA saya bin
(K.P. No:), anakbuah To' dalam Perut
..... Waris Suku yang
diakad nikahkandengan binti
(K.P. No:), anakbuah To' dalam Perut
..... Waris Suku
adalah dengan ini mengaku patuh dan mengikut Adat Semenda Menyemenda seperti kata pepatah "masuk kandang kambing mengembok, masuk kandang kerbau menguak".

Saya telah lersemenda kepada Dato'/Tempat Semenda di sini, oleh itu maka apa saja Adat Resam di sini sangguplah saya menyesuaikan diri mengikut Adat dengan Aturannya.

Sekianlah Lafaz saya dihadapan saksi-saksi adanya.

Saya yang benar,

(Tandatangan Orang Semenda).

Disaksikan oleh :

1.
(Nama Penuh:)
(K.P. No:)
2.
(Nama Penuh:)
(K.P. No:)

Disahkan oleh :

Buapak
Mohor/Cap

Termaktub pada
bersamaan dengan

haribulan
haribulan

lahun
lahun

(Masehi)
(Hijrah)